

## UCAPAN HARI KEBANGSAAN OLEH PERDANA MENTERI MENERUSI RADIO/TV MALAYSIA PADA 30<sup>HB</sup> OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat limpah rahmat dan hidayahNya, saya dapat berucap kepada saudara-saudara sekali lagi sempena dengan Perayaan Hari Kebangsaan kita yang ke tujuh belas besok.

Sempena peristiwa yang penting dan bersejarah ini, sudah sayugianya kita sebagai rakyat Malaysia, di mana-mana juga kita berada, menyambut hari yang berbahagia ini dengan penuh ghairah sambil berdoa kepada Tuhan Yang Maha Kuasa agar kita berada dalam keadaan aman sentosa serta mendapat perlindunganNya pada setiap masa.

Dalam pada kita merayakan hari ini dengan berbagai acara yang meriah, patutlah juga kita bertafakkur sejenak untuk mengenang dan menghormati roh para pemimpin kita yang telah pergi mendahului kita dan juga para pahlawan yang telah gugur kerana mempertahankan tanahair yang kita cintai ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya lebih-lebih berasa gembira serta bersyukur ke hadrat Tuhan kerana kali ini saya berucap kepada saudara-saudara dalam suasana yang penuh gembira berikutan dengan kemenangan besar parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum yang baru lalu. Hanya di Sarawak pilihanraya belum lagi tamat akan tetapi saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan di sana juga bersama-sama dengan rakyat di tempat lain akan memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional. Kemenangan cemerlang yang diperolehi oleh Barisan Nasional jelas membuktikan bahawa rakyat berkehendak kepada Kerajaan yang kuat dan jujur yang boleh memelihara dan menjamin perpaduan rakyat dan kemakmuran negara. Seperti yang seringkali saya tegaskan, hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang dapat memenuhi hasrat rakyat membawa mereka menuju zaman baru yang aman damai dan bahagia.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih di atas kepercayaan dan sokongan penuh saudara-saudara dengan memberikan mandat baru kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk berkhidmat kepada Negara untuk lima tahun yang akan datang. Kerajaan Barisan Nasional berazam akan terus memberikan pimpinan yang jujur dan penuh dedikasi untuk membawa keaman, kemakmuran dan keadilan kepada rakyat dan negara.

Kepada wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional yang telah mendapat kemenangan, saya suka menegaskan bahawa kepercayaan yang besar yang diberi oleh rakyat adalah bermakna kita mempunyai tanggungjawab yang berat bagi menunaikan kehendak-kehendak dan harapan rakyat kepada kita. Kita mesti bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat dengan penuh dedikasi dan kejujuran.

Saya berharap akan dapat mengumumkan Ahli-ahli Jemaah Menteri yang baru tidak lama lagi. Sementara itu, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada beberapa orang Menteri yang telah mengundurkan diri setelah memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara sekian lama. Kita akan sentiasa ingat kepada Tun Tan Siew Sin, Tun V. T. Sambanthan dan Tan Sri Sardon Jubir dan saya percaya rakyat akan sentiasa mengingati jasa-jasa mereka yang akan kekal tercatat dalam sejarah negara kita. Saya yakin ahli-ahli Jemaah Menteri yang bakal dilantik itu akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh minat dan kejujuran untuk kemajuan rakyat dan negara.

Kepada jenerasi muda khususnya, perayaan Hari Kebangsaan ini mempunyai penuh erti kerana hari ini kita mengenang kembali detik-detik perjuangan menuntut kemerdekaan negara kita Malaysia yang dipelupuri oleh pejuang-pejuang kebangsaan dulu. Pada segi yang lain, setiap kali kita menyambut Hari Kebangsaan, bermakna setahun lagi kita melangkah maju mengisi kemerdekaan dan setahun pula kita bertambah dewasa serta yakin kepada masa depan bangsa dan negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian.

Tahun 1974 ini pada amnya menunjukkan lebih banyak kemajuan serta membawa harapan yang lebih cerah dalam semua

bidang usaha Kerajaan. Seperti yang sama dimaklum, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua di bawah Dasar Ekonomi Baru menghasilkan kemajuan yang amat memuaskan sehingga hari ini. Tetapi rancangan kita mempunyai jangka masa dua puluh tahun sebelum segala matalamatnya dapat dicapai. Setakat ini sudah banyak yang telah dicapai terutama tentang peluang-peluang pekerjaan menerusi projek-projek perindustrian dan pembukaan tanah oleh FELDA dan pihak swasta. Saya yakin dengan langkah-langkah tegas dan berani yang kita jalankan maka matalamat itu akan dicapai sepenuhnya dalam jangka masa yang ditetapkan itu. Tiada siapa yang boleh menafikan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah memberi jaminan kepada golongan rakyat yang tidak berada di Negara kita mendapat kedudukan yang lebih sempurna dalam bidang ekonomi modern dan mendapat bahagian kekayaan dan kemudahan yang lebih adil dan saksama.

Saya suka mengulangi iaitu dalam usaha Kerajaan hendak membina masyarakat adil dalam negara kita yang berbilang bangsa - ini, faktor yang paling penting ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat. Tanpa perpaduan, hasrat baik Kerajaan itu adalah sukar hendak dicapai. Oleh yang demikian, saya menyeru seluruh rakyat supaya saling faham memahami dan hormat menghormati di antara satu dengan lain supaya dapat menjamin serta mengekalkan keharmonian dan ketenteraman di kalangan masyarakat kita. Jauhilah daripada perbuatan yang boleh membawa kepada pertelingkahan antara kaum dan perpecahan sesama kita sendiri. Bagaimanapun, Kerajaan yang saya pimpin akan terus mengambil langkah-langkah yang wajar bagi menjamin ketenteraman dan keharmonian negara dalam segala usaha yang melibatkan kehidupan rakyat seluruhnya.

Memandang pada hakikat inilah maka sejak beberapa tahun ini kita sangat menitikberatkan konsep perpaduan yang termaktub dalam Rukunegara sebagai tema Hari Kebangsaan. Tahun ini kita memilih tema "Sains dan Teknologi- Alat Perpaduan" kerana mengingat betapa pentingnya pengetahuan Sains dan Teknologi dalam usaha mempercepatkan kemajuan dan pembangunan negara yang mana pada muktamadnya akan menjamin kestabilan serta wujudnya negara yang kita cintai ini.

Ilmu pengetahuan terutama pengetahuan Sains dan Teknologi merupakan faktor yang sangat penting dalam pembinaan masyarakat Malaysia yang moden dan maju. Kejayaan kita dalam usaha

hendak memperimbangan keadaan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar akan banyak bergantung kepada penggunaan Sains dan Teknologi terutama dalam bidang pertanian dan perindustrian. Dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang ini, Kerajaan akan melipat-gandakan usaha untuk memodenkan rakyat kita samada mereka itu kaum tani yang hidup dengan bersawah padi atau pekebun-pekebun kecil getah; kaum nelayan yang membanting tulang di lautan luas; pedagang-pedagang dan pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung. Sayugia diingat, selagi ada mana-mana golongan masyarakat kita yang tertinggal di belakang, maka selama itu pulalah terdapat jurang perbezaan ekonomi antara pihak yang berada dengan pihak yang tidak berada. Kesimpulannya, jika keadaan ini tidak diperbaiki maka tidak akan tercapai perpaduan yang sebenar sepertimana yang di-cita-citakan itu.

Dengan yang demikian, amatlah kena pada masanya kita memilih tema "Sains dan Teknologi Alat Perpaduan" bagi perayaan Hari Kebangsaan kali ini dengan harapan semoga rakyat seluruhnya menyedari hakikat ini dan menerimanya sebagai satu faktor penting dalam kehidupan kita.

Begitu juga, kita maklum bahawa ilmu pengetahuan membolehkan rakyat berfikir dengan cara yang mendalam untuk memahami dan mengatasi masalah-masalah rumit yang mungkin timbul dari latarbelakang kebudayaan dan tradisi yang berlainan di antara kaum. Di samping itu unsur-unsur permodenan yang berlandaskan sains dan teknologi boleh dijadikan asas untuk memupuk perpaduan rakyat. Perkara yang penting ialah percantuman ciri-ciri yang baik dari kebudayaan dan tradisi kaum terbesar di negara kita dengan ciri-ciri ilmu pengetahuan moden yang berlandaskan sains dan teknologi supaya dengan demikian dalam beberapa jenerasi akan datang akan muncul satu masyarakat yang benar-benar bersifat Malaysia, yang bersikap serta mempunyai cara hidup Malaysia yang sebenarnya.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur kepada Allah bahawa keadaan keselamatan dalam negeri pada keseluruhannya adalah baik walaupun masih terdapat ancaman dari pengganas-pengganas dalam hutan yang dibantu oleh anasir-anasir anti-nasional ejen-ejen mereka di bandar-bandar dan kampung-kampung. Bagaimanapun, langkah-langkah

tegas yang kita ambil telah berhasil membawa sebahagian besar pengganas-pengganas di Sarawak meletakkan senjata dan kembali ke pangkuan masyarakat. Di Semenanjung Malaysia, saya sentiasa bersedia menerima mereka sekiranya mereka menghentikan perbuatan ganas mereka dan meletakkan senjata. Tetapi, sekiranya mereka memilih hendak meneruskan perjuangan yang sia-sia itu, Kerajaan akan terus bertindak menghapuskan mereka dari bumi Malaysia ini.

Dalam bidang luar negeri, kita akan terus menjalankan dasar luar yang berkecuali, bebas dan aktif untuk menjalin perhubungan dengan negara besar dan kecil tidak mengira fahaman ideologi atau sistem politik dan ekonomi negara mereka. Kita akan memperkuat perhubungan dengan negara-negara Islam demi hasrat dan cita-cita persaudaraan dan perpaduan umat Islam di samping memperluaskan hubungan perdagangan kita dengan negara-negara tersebut. Kita akan terus berusaha untuk mendapatkan sokongan kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan Republik Rakyat Cina supaya gagasan kita menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali akan berhasil dan menjadi kenyataan.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan dasar-dasar yang realistik dan praktik yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang sesuai dengan keadaan yang terdapat dalam negara kita, saya yakin masa depan negara Malaysia amatlah cerah. Selama beberapa tahun kebelakangan ini kita telah berjaya menyelesaikan masalah-masalah pembangunan sosial dan ekonomi dengan sempurna. Hari ini kedudukan politik, ekonomi dan kewangan kita adalah kukuh. Bagaimanapun, masih ada beberapa masalah yang di luar kuasa kita mengatasinya seperti inflasi yang sedikit sebanyak menyusahkan rakyat, namun dengan langkah-langkah tegas yang dijalankan oleh Kerajaan, kita dapat mengurangkan kesannya ke atas rakyat. Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini terutama inflasi dari luar atau "imported inflation" supaya tekanannya ke atas rakyat dapat diredakan.

Tahun hadapan dan beberapa tahun yang akan datang ini sudah tentu membawa beberapa cabaran baru kepada kita. Keadaan ekonomi dunia terutama kenaikan harga minyak dan kenaikan harga barang-barang yang semakin meningkat akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Tetapi, Kerajaan berazam menghadapi

cabaran ini dan saya yakin dan percaya rakyat sekalian akan berdiri teguh di belakang Kerajaan serta bersama-sama berusaha untuk menjamin masa depan yang cemerlang untuk rakyat dan negara kita.

Akhir kata, saya sekali lagi berseru kepada rakyat dari segenap lapisan dan golongan, sambil merayakan hari yang berbahagia bagi negara kita ini, supaya terus berganding bahu melipatgandakan usaha dalam semua bidang supaya matalamat kita menjadikan negara ini makmur, aman dan bersatu padu akan segera tercapai. Saya percaya dengan azam yang kuat, dengan tekun dan usaha dan dengan berkat hidayah serta petunjuk dari Allah Yang Maha Kuasa, cita-cita kita yang suci murni itu akan terlaksana sepenuhnya.

Berjaya! Selamat Malam.